

Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu

(Integrating the National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Kebangsaan-FPK) in Developing Integrated Human Capital)

Syahirah Rosli^{1*}, Siti Fairuz Mahmud¹, Mohd Edyazuan Azni²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

² Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology, Alor Gajah, Malaysia

*Pengarang Koresponden: syahirah1983@gmail.com

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.7>

Abstrak: *Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah tunjang kepada sistem pendidikan Malaysia. Ianya terhasil dari revolusi dan pembaharuan berterusan sistem pendidikan yang dijalankan di Malaysia semenjak dari zaman kolonialisme British sehingga sekarang. Dalam pelaksanaan FPK, pembangunan potensi para pelajar menjadi keutamaan dalam membangunkan modal insan yang pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, setiap aktiviti pendidikan perlu dipastikan untuk mempunyai unsur-unsur utama FPK iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Kertas konsep ini akan membincangkan apakah pembangunan insan dalam falsafah pendidikan, proses pembentukan falsafah pendidikan kebangsaan, cabaran-cabaran dalam membangunkan insan dan akhir sekali tentang implikasi FPK terhadap sistem pendidikan negara. Teknik kajian kepustakaan digunakan dalam kajian ini. Diharap esei ini akan memberikan pandangan yang mendalam tentang kepentingan FPK terhadap kemenjadian para pelajar serta mewujudkan warganegara Malaysia yang terbilang.*

Kata kunci: Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pembangunan insan, pendidikan bersepadu

Abstract: *The National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Kebangsaan - FPK) is the backbone of the Malaysian education system. It is the result of the revolution and continuous reform of the education system carried-out in Malaysia since the days of British colonialism until now. In the implementation of FPK, the development of students' potential is a priority in developing human capital that is knowledgeable, skilled, virtuous, responsible and able to achieve personal well-being, as well as contribute to the harmony and well-being of families, communities and countries. Therefore, every educational activity must be ensured to have the main elements of FPK, which is to produce a balanced human being in terms of physical, emotional, spiritual, intellectual, and social. This philosophical concept paper will look at what is human development in education, the process of forming a national education philosophy, the challenges in human development and finally about the implications of FPK national education. The literature review technique was used in this study. It is hoped that this will provide an in-depth view of the importance of FPK on the development of students as well as creating distinguished Malaysian citizens.*

Keywords: National Education Philosophy, human development, integrated education

1. Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan yang tersendiri dalam pembangunan kualiti kehidupan demi mengejar tamadun dunia kini. Malah, umum telah menyedari seseorang yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan bagi satu-satu tahap akan terkebelakang berbanding seseorang yang berpendidikan. Tambahan pula, Islam amat mementingkan penguasaan ilmu pengetahuan melalui pendidikan yang sempurna. Apabila perihal pendidikan diabaikan, ianya boleh menyebabkan runtuhnya institusi kenegaraan. Kepentingan pendidikan bagi sesebuah negara dapat dilihat apabila acap tahun kerajaan membelanjakan jutaan ringgit dalam pembangunan kemudahan dan bahan pengajaran di tadika, sekolah dan universiti (R. Rahman et al., 2021). Pembudayaan mencari ilmu dalam kehidupan seharian juga akan menjadikan kemasyarakatan menjadi lebih utuh dan harmonis (Subiyakto & Mutiani, 2019)

Dalam kehidupan bermasyarakat, aspek pendidikan yang berteraskan amalan nilai murni dapat melahirkan masyarakat yang beretika dan berbudi pekerti tinggi (Dzulkifli & Suhid, 2018). Maka, hal ini jelas membuktikan bahawa melalui pendidikan, masyarakat kita akan memperoleh ilmu pengetahuan dan menjamin ketinggian akhlak peribadi. Kita sememangnya sedar pendidikan dimulakan daripada dalam kandungan ibu sehinggalah kita menghembuskan nafas (Hasnawati, 2021). Hal ini menunjukkan proses pendidikan itu tiada hentinya tanpa mengira pendidikan secara formal atau sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah dibentuk supaya menjadi asas kepada sistem pendidikan di Malaysia untuk menyokong usaha pembangunan insan dalam mendidik rakyat secara seimbang dan holistik. Semua institusi pendidikan perlu melaksanakan segala aspek berkaitan pendidikan berdasarkan FPK. Hal ini adalah untuk memastikan semua dasar dan pelaksanaan sistem pendidikan kita akan berada dalam landasan yang sama seperti yang ditetapkan di dalam FPK (Saad & Rajamanickam, 2021). Kandungan dalam FPK telah dirancang dengan begitu rapi agar dapat melahirkan insan yang bersepadu. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2014), 'bersepadu' memberi maksud berkait erat dan tidak terpisah-pisah. Terma ini bertepatan dengan aspek-aspek utama yang terkandung dalam falsafah itu sendiri. Ahli masyarakat yang seimbang dan utuh dalam kepelbagaian bidang dapat dizahirkan daripada kesepaduan sistem pendidikan negara.

Oleh itu, dalam membangunkan modal insan dari usia muda, kesemua aspek didalam FPK adalah sewajarnya dititikberatkan dalam kesemua sistem pendidikan (Dzulkifli & Suhid, 2018). Kepincangan dalam membangunkan modal insan akan terhapus dengan adanya usaha yang konsisten dan berterusan daripada peringkat akar umbi lagi. Hal ini dikatakan demikian adalah kerana usaha mendidik merupakan salah satu usaha yang amat penting untuk meningkatkan kualiti hidup insani. Tujuannya adalah untuk menyerlahkan bakat dan keupayaan diri setiap individu (Mohd Yassin, 2017). Dalam masa yang sama, kita dapat melahirkan insan yang cemerlang dan seimbang dalam pelbagai bidang serta berakhlak mulia dan kamil dalam mendepani cabaran era kini.

2. Proses Pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Proses pembentukan FPK mengambil masa yang panjang dan bermula semasa Malaysia menuntut kemerdekaan daripada penjajah British (Lubis et al., 2021). Sebelum pembentukan Malaysia, institusi pendidikan telah lama wujud di Tanah Melayu. Namun begitu, sistem pendidikan yang dilaksanakan adalah berbentuk tidak formal seperti sekolah pondok dan madrasah (Mohd Nawi, 2021). Semasa zaman kolonialisme, dasar pendidikan tidak diberi penekanan oleh pihak British berbanding dasar ekonomi. Sekolah aliran Inggeris diwujudkan bagi kumpulan elit dan aliran melayu dilaksanakan untuk golongan bawahan. Dengan pengenalan dasar “*laissez-faire*,” sekolah aliran vernakular telah mula tumbuh dengan pesat (Saharia Ismail 2015). Pertambahan sekolah yang berlainan aliran telah mengakibatkan pihak British tidak dapat menyeragamkan sistem pendidikan di Tanah Melayu (A. Abdullah & Liu, 2018). Apabila hampir dengan kemerdekaan, beberapa pemimpin politik termasuk Tunku Abdul Rahman menyedari keperluan mengubah sistem pendidikan menjadi lebih seragam.

Terdapat beberapa jawatankuasa telah diwujudkan bagi menyemak sistem pendidikan yang wujud pada masa itu. Beberapa laporan telah dihasilkan antaranya Laporan Barnes (1951), Laporan Fenn-Wu (1951), Ordinan Pelajaran dan Laporan Razak (1956). Laporan Barnes (1951) diwujudkan bagi menyemak dan menyelidik pendidikan kaum Melayu. Ianya mencadangkan dua jenis sistem sekolah ditubuhkan menggunakan medium bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai pengantar serta sekolah vernakular ditukar beransur-ansur sebagai sekolah kebangsaan (Mohd Nordin & Ibrahim, 2007). Manakala hasil dari laporan Fenn Wu pada tahun 1951 pula mengusulkan cadangan sekolah vernakular dijalankan dengan mengaplikasikan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Tamil dan Cina. Ordinan Pelajaran (1952) pula mengusulkan cadangan mewujudkan sistem persekolahan kebangsaan dan menolak sistem vernakular namun ordinan ini tidak dilaksanakan disebabkan darurat dan kekurangan sumber kewangan pada ketika itu (Mok Soon Sang 2009).

Pada tahun 1956, Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pelajaran telah mengetuai satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pelajaran 1956 atau Penyata Razak 1956 bagi membentuk semula sistem pendidikan dengan mengaplikasikan kurikulum dan sistem pembelajaran yang selaras sesuai dengan masyarakat berbilang kaum serta bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan bahasa kebangsaan (Mohd Nordin & Ibrahim, 2007). Seterusnya Ordinan Pelajaran 1957 dikuatkuasakan berdasarkan Laporan Razak (1956) yang mengkhususkan kepada perpaduan dan menjadi tunjang Dasar Pendidikan Kebangsaan (Hussin, 2018). Hasrat untuk menyatukan sistem pendidikan bagi semua kaum terdapat di dalam Penyata Razak di Para 12 seperti di bawah:

“Kami percaya juga yang tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur”

Penyata Razak, Para 12

Kemudian sistem pendidikan diperkemas melalui Penyata Rahman Talib (1960) yang diperakukan dalam Akta Pelajaran 1961 telah menggariskan Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar, sistem peperiksaan yang sama di semua peringkat persekolahan, menekankan subjek keagamaan dan Moral serta penekanan keperluan tenaga mahir melalui pendidikan Teknik dan Vokasional (Saharia Ismail 2015). Akta Pelajaran 1961 adalah asas kepada

pembangunan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Namun begitu ianya tidak secara meluas dan sesuai dengan zaman pembangunan negara pada masa itu (Lubis et al., 2021). Objektif utama yang terkandung di dalam Akta Pelajaran 1961 adalah seperti berikut:

"Bahawasanya dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politiknya..."

Akta Pelajaran 1961

Pada tahun 1970, rentetan peristiwa 13 Mei 1969, wujud desakan untuk membina perpaduan dalam kalangan rakyat sehingga terhasilnya Rukun Negara yang menjadi tonggak sistem pendidikan. Selepas itu, kerajaan mengumumkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menggalakkan perpaduan dalam kalangan rakyat (Noordin, 1993). Bagi aspek pendidikan, berdasarkan perubahan dasar dan keutamaan kerajaan pada September 1974, satu Jawatankuasa Kabinet diwujudkan bagi mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan. Ianya bermatlamat untuk mengkaji kesan sistem pelajaran terhadap keperluan tenaga rakyat serta memastikan sistem pelajaran dapat menghasilkan masyarakat yang bersatu, berdisiplin dan terlatih.


Pada tahun 1979, laporan ini diterbitkan dan dipanggil sebagai Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979. Kesan daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet tersebut, satu pindaan terhadap dasar pendidikan negara telah dilakukan. Pindaan ini kemudiannya menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Saharia Haji Ismail, 2015). Laporan Kabinet 1979 ini juga merupakan permulaan ke arah pembentukan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang lebih jelas (Lubis et al., 2021).

Dengan terbentuknya FPN, sistem pendidikan negara menjadi lebih teratur dan sistematik selepas diumumkan secara rasmi pada tahun 1988 (Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman 2008). Penukaran nama FPN kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dilaksanakan pada tahun 1996 dan kekal sehingga kini. FPK terus menjadi teras atau tonggak kepada sistem pendidikan di Malaysia. Matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah seperti berikut:

"Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara"

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Secara terasnya, FPK adalah usaha menghasilkan manusia yang mempunyai akhlak yang mulia, seimbang dan bersepadu dari aspek jasmani, rohani, emosi dan jasmani (IREJ) (Mohd Fathi Adnan et al. 2010). Ini selaras dengan rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan. Unsur-unsur utama FPK dipersembahkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Unsur-unsur dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

3. Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Dalam usaha mewujudkan individu yang berpegang teguh pada ajaran agama, mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian dan mempunyai kepelbagaian kemahiran akan terhasil dengan tidak menyetepikan apa-apa aspek bahkan digabungkan agar pembangunan insan yang holistik dan seimbang dapat dibangunkan. Terdapat tiga aspek dalam pembangunan insan yang menjadi pegangan utama para pendidik yang terkandung dalam FPK itu sendiri iaitu dari segi pembangunan intelektual, pembangunan kerohanian dan emosi serta pembangunan jasmani (Sabilan et al., 2018). Elemen-elemen ini sangat penting disepadukan bagi melahirkan individu kamil agar tidak berlaku kepincangan dan mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Menurut Tajul Ariffin Noordin (1993) kepelbagaian fahaman sesuatu kelompok manusia terhasil daripada ketidakseimbangan elemen-elemen dalam falsafah pendidikan kita. Sebaliknya, pendidikan yang hendak dihasilkan melalui FPK ialah satu individu yang bergelar insan yang memiliki sifat-sifat terpuji dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan pemikirannya. Kesemua aspek tersebut menjadikan manusia itu sebaik-baik kejadian (Ahsanu at-Taqwim) seperti dalil yang termaktub dalam al-Quran iaitu surah At-Tin, ayat 4 yang bermaksud: *“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baik kejadian”*.

3.1 Pembangunan Intelektual

Mok Soon Sang (2009b) mengatakan bahawa didalam falsafah terkandung padanya prinsip-prinsip secara realiti, disiplin ilmu dan amalan baik. Antara cabang utama falsafah iaitu epistemologi berperanan untuk membangun intelektual dan pemikiran manusia. Peningkatan dan perkembangan minda manusia wujud dengan adanya konsep ilmu ini. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kurikulum disusun berdasarkan teori epistemologi yang terkandung padanya teori ilmu. Jelaslah terbukti bahawa dengan adanya ilmu, manusia akan bebas daripada kepompong kejahilan yang membelenggu pemikiran rasional.

Menurut Ahmad Mohd. Salleh (2008) berpendapat bahawa melalui kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) daya intelektual seseorang dapat dibangunkan. Selain itu, aspek kemahiran 3M juga diberi penekanan iaitu mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu untuk memperoleh manfaat kepada diri sendiri serta orang lain. Hal ini selaras dengan apa yang

digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (2013) yang menekankan aspek KBAT dalam pendidikan.

Jika dilihat dari unsur intelektual ianya mengandungi empat elemen. Elemen-elemen tersebut termasuklah aspek hikmah, kreatif dan inovatif, logik dan ilmu (Kurniawan et al., 2013). Aspek hikmah adalah merangkumi ilmu yang memberi kemakmuran dan kebaikan. Aspek kreatif dan inovatif pula merupakan daya pemikiran kreatif dan inovatif. Manakala aspek logik pula dilihat dari sudut daya pemikiran yang logik dan aspek ilmu merangkumi ilmu yang bermanfaat. Dengan terangkumnya aspek-aspek ini akan dapat melahirkan insan yang bersepadu seterusnya memberi manfaat kepada orang lain.

Program-program yang dianjurkan di sekolah dalam membangunkan intelektual ialah sambutan bulan akademik, pertandingan inovasi, pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21. Bagi program yang diletakkan di bawah bulan akademik, pada kebiasaannya pihak sekolah akan merancang terlebih dulu bersama ahli panitia dengan dipersetujui oleh pihak pentadbiran sekolah (Mat, 2018). Contoh bagi program di bawah bulan akademik ialah pertandingan inovasi, kuiz, pertandingan bercerita, syarahan dan sebagainya. Pelajar yang berjaya dalam acara yang dipertandingkan, mereka akan mewakili sekolah ke peringkat daerah, negeri, kebangsaan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Pembangunan intelektual ini juga dapat dilaksanakan dalam PdPc yang mana elemen kolaboratif dan koperatif dijalankan demi melahirkan pelajar yang boleh memberi kerjasama, berkomunikasi dengan baik dan hikmah serta saling membantu antara satu sama lain. Peningkatan penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar adalah impak daripada pengajaran koperatif. Dalam masa yang sama, hal ini berkait rapat dengan ciri persekitaran pembelajaran konstruktif (Rabgay, 2018; Rahim et al., 2021; S. Kaymak et al., 2021). Oleh itu, pembangunan kemahiran generik adalah perlu dilakukan di semua peringkat pengajian.

Hasil daripada penganjuran program intelektual berasaskan inovasi telah menunjukkan kejayaan melalui salah seorang pelajar tahun lima yang menuntut di SK Perempuan Methodist Kuantan, iaitu Maryam Muzamir telah menaikkan nama negara ke persada dunia apabila merangkul tiga pingat emas dalam Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi peringkat antarabangsa kali Keenam di Toronto, Kanada pada bulan Ogos 2021. Maryam beroleh kejayaan itu selepas mencipta inovasi makanan haiwan daripada kulit udang dan siput sedut yang dinamakan YAM 2.0. Murid berumur 11 tahun itu terkejut apabila dimaklumkan meraih tiga pingat emas hasil inovasi berkenaan. Menurut bapa Maryam Prof Madya Dr Muzamir Hasan berkata, kejayaan Maryam sukar dijangkakan kerana turut disertai peserta pelbagai peringkat umur dari 70 negara. Idea menghasilkan makanan haiwan ini tercetus kerana sering mengunjungi restoran makanan laut. Menurut bapanya lagi “Daripada kulit udang atau siput sedut itu dibuang, sebaiknya ia di kitar semula dan dijadikan bahan makanan haiwan. Oleh itu terhasil makanan haiwan dinamakan YAM 2.0” (Awang, 2021).

3.2 Pembangunan Kerohanian dan Emosi

Kecemerlangan sesuatu bangsa tidak hanya diukur dari aspek kecanggihan teknologi dan material semata-mata, bahkan, aspek kerohanian dan emosi perlu dititikberatkan juga (Noordin, 1993). Kejayaan tidak semestinya mereka yang berjaya dalam bahagian intelektual sahaja sebaliknya kejayaan hakiki diambil kira daripada nilai kerohanian seseorang. Oleh itu, dapatlah kita fahami peri penting elemen pembangunan kerohanian dalam kejayaan seseorang individu. Tanpa adanya kekuatan rohani dan emosi pada diri seseorang, amat mustahil untuk menggapai kejayaan dalam kehidupannya. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran iaitu surah al-

Mukminun ayat 1-2 yang membawa maksud “*Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyangnya*”.

Menurut Ahmad Mohd. Salleh (2008) keseimbangan pembangunan emosi dan rohani amat penting diberi penekanan dalam FPK melalui penerapan nilai murni merentas kurikulum. Prinsip kepercayaan menjadi keutamaan dalam FPK apabila ilmu dihubungkan dengan rohani yang teguh. Dengan itu, rasa keimanan dan ketakwaan akan timbul yang secara tidak langsung dapat mempertingkatkan keperibadian seseorang insan itu. Pengembangan rohani dan emosi yang ditekankan dalam kurikulum pendidikan ialah dengan mengingati, menanam rasa syukur yang mendalam terhadap nikmat yang diberikan seterusnya menyedari segala pentaklifan yang diamanahkan oleh Pencipta. Akhlak mulia dapat dibentuk melalui pembudayaan disiplin dalam kehidupan harian (Kuswandi & Himayaturrohman, 2020)

Menurut Sapie Sabilan et al. (2018) pembangunan rohani dan emosi ini boleh diertikan dengan afektif iaitu tentang jiwa dan perasaan diri individu itu sendiri. Perkembangan potensi pelajar yang menyeluruh melalui penggubalan kurikulum sekolah dari masa ke semasa bertujuan untuk melahirkan individu yang bersepadu tanpa memisahkan elemen-elemen yang terkandung dalam FPK. Kita dapat melihat dalam mata pelajaran pendidikan moral, pendidikan sivik kewarganegaraan dan pendidikan Islam yang bertujuan untuk menyemai sahsiah terpuji dalam diri pelajar. Bagi mata pelajaran pendidikan Islam, banyak penerapan kerohanian diterapkan dalam bidang-bidang yang terdapat dalam mata pelajaran tersebut contohnya dalam bidang adab (Wan Nornajmiwati & Asri Md Saman 2019). Pelajar dilatih untuk beradab terpuji dan memiliki sahsiah yang baik di samping mengamalkan adab-adab yang telah dipelajari dalam tajuk tertentu seperti adab terhadap rakan sebaya.

Malahan para pelajar akan dapat menerapkan dan mengamalkan adab terhadap rakan sebaya dalam bersahabat dan ketika menjalani aktiviti berkumpulan yang memerlukan kerjasama yang jitu seperti saling bantu membantu, bertoleransi dan mempunyai sifat empati. Tanpa penerapan elemen rohani dan emosi yang baik, tidak mungkin dapat melahirkan individu yang cemerlang (Hanapi & Nason, 2019). Hal ini demikian kerana, elemen intelektual sahaja tidak memadai untuk mewujudkan insan yang kamil.

Pegangan agama yang teguh, jiwa yang mantap, serta penghayatan nilai-nilai murni, hidup bermasyarakat merupakan antara unsur rohani dan emosi. Jika kita telusuri, semua unsur ini yang menjadikan kejayaan dalam pembangunan kerohanian dan emosi ini bertepatan yang terkandung dalam FPK itu sendiri. Antara program yang dijalankan bagi pembangunan kerohanian dan emosi adalah seperti Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR), Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), Sambutan bulan kebesaran Islam, program-program kerohanian dan sebagainya (Musa et al., 2021).

Kementerian Pelajaran Malaysia mencetuskan program SUMUR yang diterjemahkan melalui Modul 5C iaitu Murid Contoh, Cerdas, Cerdik, Cergas dan Ceria. Objektifnya adalah bertujuan melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan menjadi suri teladan kepada rakan sebaya (Mohd Nor & Zulkifli, 2022). Dalam masa yang sama pelajar juga diharapkan dapat membudayakan amalan suka menuntut ilmu demi kejayaan di dunia dan akhirat. Di samping mengamalkan gaya hidup sihat sepanjang masa selain berjiwa kental dalam mendepani dunia masa kini yang penuh dengan cabaran tanpa mengetepikan semangat akan cintakan negara. Program ini di bawah tanggungjawab unit Hal Ehwal Murid (HEM) dan melibatkan semua warga sekolah. Para pelajar akan dinilai dan diberi markah dan akhirnya mereka akan diberi penghargaan atas elemen-elemen yang terdapat pada diri pelajar itu sendiri.

Bagi program SSDM pula, ia adalah satu program untuk mendorong murid sentiasa membiasakan amalan baik pada setiap masa tidak mengira di dalam kawasan sekolah atau di luar kawasan sekolah. Sistem ini memudahkan para pendidik mengakses data murid yang diambil terus daripada sistem APDM dengan cara cepat dan berkesan. Secara tidak langsung, proses merekodkan amalan baik yang dilakukan oleh murid dapat dilakukan secara efisien.

Program ini terbukti amat penting bagi pelajar kerana rekod amalan baik tersebut diambil kira untuk sesuatu penganugerahan seperti Tokoh Kecemerlangan Kokurikulum dan dibawa hingga peringkat sekolah menengah. Malahan, maklumat yang dapat diakses dalam SSDM ini sentiasa terkini. Setiap pelajar yang membuat serta mengamalkan nilai-nilai murni seperti membantu guru, memberi salam, serta beradab sopan akan direkodkan dalam sistem tersebut (Rozali & Abdul Wahab, 2020). Usaha ini secara tidak langsung memberi pengiktirafan kepada para pelajar yang sentiasa mengamalkan sifat-sifat terpuji dan ia bertepatan dengan apa yang terkandung dalam FPK. Pembudayaan amalan baik melalui sistem ini secara langsung dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam semua aspek terutama aspek pengembangan rohani dan emosi sebagai pewaris generasi yang akan datang yang bakal menerajui negara.

3.3 Pembangunan Jasmani

Proses pembelajaran tidak dapat terlaksana jika tidak mempunyai badan yang sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana pembangunan jasmani merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam FPK. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2014), jasmani didefinisikan dengan tubuh badan dan jasmani berlawanan dengan rohani. Bersesuaian dengan pepatah arab menyatakan, *“akal yang sihat terdapat pada tubuh yang sihat”* (Rokim, 2018). Ini dapat dirungkaikan bahawa dalam usaha membangunkan individu, elemen pembangunan rohani tidak boleh diketepikan. Elemen ini perlu digabungkan dengan elemen intelektual, rohani dan emosi.

Menurut Pangrazi dan Beighle (2019) menyatakan bahawa pendidikan jasmani akan menjadikan pelajar itu mengamalkan rutin harian yang sihat di samping mendapat pengamatan dalam skop pembelajaran yang disediakan. Pendapat ini disokong oleh Wee (2002) yang mana beliau menyatakan aktiviti pendidikan jasmani yang dijalankan di sekolah memberikan kepuasan dan kegembiraan beraktiviti kepada pelajar. Para pelajar dapat meningkatkan ilmu dan kualiti diri melalui aktiviti pendidikan jasmani (A. F. A. Rahman et al., 2021). Tambahan pula, mereka amat menggemari aktiviti ini kerana aktiviti pendidikan jasmani ini sangat dekat dengan naluri mereka yang sukakan aktiviti bermain dan secara langsung dapat menghilangkan tekanan yang dilalui dalam proses pembelajaran yang memerlukan mereka memerah otak untuk berfikir.

Unsur-unsur jasmani mengandungi beberapa aspek iaitu, kecergasan tubuh badan, kesihatan diri dan mampu berdikari serta berkeupayaan hidup sesama insan lain. Murid yang seimbang tidak hanya hebat dari sudut intelektual sahaja, tanpa badan yang sihat, sudah pasti tidak dapat melahirkan insan yang bersepadu kerana elemen kecergasan fizikal dan kesihatan diri tidak dapat diketepikan untuk melahirkan insan yang bersepadu. Pembangunan Jasmani ini juga tidak terkecuali daripada pelbagai program yang dijalankan di peringkat sekolah. Antara program-program yang dijalankan bagi membangunkan jasmani adalah seperti aktiviti kokurikulum, 1Murid 1Sukan, aktiviti merentas desa, Pendidikan Jasmani Kesihatan, aktiviti perkhemahan dan sebagainya (Mohd Yaakob, 2018).

Aktiviti seperti merentas desa akan dilaksanakan pada awal tahun di setiap sekolah samada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Aktiviti ini merupakan aktiviti di bawah unit

Kokurikulum sekolah. Murid akan diberi pendedahan awal berkaitan program ini memandangkan jarak yang perlu dijalani dan ditamatkan oleh pelajar agak jauh. Pelajar juga diberikan surat kebenaran ibu bapa agar tiada masalah yang timbul jika berlaku insiden yang tidak diinginkan seperti faktor kesihatan dan lain-lain lagi. Bagi pelajar yang berjaya di peringkat sekolah, mereka akan mewakili sekolah ke peringkat seterusnya. Aktiviti merentas desa ini banyak melatih pelajar agar bersabar, gigih dan yang paling utama adalah sanggup berpanas dan menahan kepenatan. Elemen pengembangan jasmani ini akan mendidik pelajar agar tidak mudah putus asa, berdaya tahan, berdaya saing dan sentiasa positif terhadap sesuatu aktiviti. Pada waktu yang sama, pelajar akan memiliki badan yang sihat disebabkan aktiviti ini (Mokhtar et al., 2021).

Kokurikulum merupakan satu aktiviti yang disediakan kepada setiap pelajar di setiap sekolah di sekolah rendah bermula dari tahun 4 hingga tahun 6 manakala di peringkat sekolah menengah pula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Aktiviti ini merupakan kesinambungan yang diperolehi dari sesi pembelajaran akademik. Sebagai contoh aktiviti kumpulan yang dilalui pada waktu PdPc diaplikasikan dalam aktiviti Kokurikulum. Ini bertujuan untuk menambah elemen nilai dari sudut pengetahuan, pergaulan serta kemahiran yang diperolehi dari bilik darjah melalui aspek pengembangan jasmani (Michael et al., 2021). Perkara ini bertepatan dengan apa yang dimaksudkan dalam FPK untuk melahirkan individu yang seimbang dalam semua aspek. Justeru, dalam surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985, Setiap Pelajar tidak kira dari sekolah kerajaan mahupun swasta diwajibkan mengambil satu aktiviti Pasukan Badan Beruniform, satu aktiviti persatuan atau kelab dan satu aktiviti sukan atau permainan (Michael & Ambotang, 2019).

4. Cabaran Dalam Membangunkan Insan

Pendidikan adalah teras pembangunan bangsa dan negara. Ketiadaan sistem pendidikan yang tersusun dan sempurna, matlamat dalam melahirkan modal insan yang berkualiti tidak mungkin tercapai. Pembangunan modal insan bukan sahaja penting untuk pertumbuhan peribadi malah ia juga amat penting kepada pembangunan masyarakat dan memberi impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, kaedah dalam membentuk dan menyemai nilai tambah bagi modal insan bukanlah sesuatu yang senang. Ianya tidak dapat diperolehi dalam jangka masa yang singkat memandangkan terdapat pelbagai cabaran perlu diselesaikan.

Dalam mendepani dunia pendidikan masa kini terdapat cabaran-cabaran dalam merealisasikan matlamat pendidikan seperti yang digariskan dalam FPK untuk melahirkan insan yang bersepadu. Antara cabaran yang dihadapi adalah:

4.1 Globalisasi

Salah satu cabaran yang perlu dihadapi dalam merealisasikan hasrat FPK adalah cabaran era globalisasi. Globalisasi bermaksud suatu prosedur yang membolehkan sesuatu aktiviti disebarkan ke peringkat antarabangsa atau ke seluruh dunia, terutamanya dengan adanya kemudahan sistem komunikasi, dasar terbuka dan sebagainya (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014). Kemajuan teknologi maklumat pada era globalisasi menjadikan remaja semakin terdedah dengan kemelut sosial yang semakin berleluasa. Segala percambahan maklumat yang diperolehi melalui telefon pintar tanpa kawalan seperti hiburan tanpa sempadan menjadikan gejala negatif mudah mempengaruhi para pelajar masa kini (Hakim & Raj, 2017). Hal ini jelas menunjukkan cabaran kehidupan dunia global dan tanpa sempadan memberi kesan dan impak negatif secara langsung terhadap keruntuhan akhlak pelajar.

Pelbagai isu akhlak dan moral timbul serta jauh dari nilai-nilai kemanusiaan seperti isu buli, seks bebas, penyalahgunaan dadah dan sebagainya (Etum et al., 2021; Kamarudin & Majid, 2017). Kegagalan para pelajar mengawal emosi dan mudah dipengaruhi oleh unsur negatif menyebabkan mereka seakan-akan hilang pertimbangan dan mengetepikan segala ajaran yang telah diterapkan kepada mereka selama ini. Hasilnya peningkatan kes disiplin berlaku dan sukar dibendung oleh pihak sekolah malahan secara tidak langsung memberi impak negatif terhadap perkembangan pelajar itu sendiri.

Selain itu juga, kecanggihan teknologi moden menjadikan para pelajar terlalu taasub melayari Internet dan bermain gadget seperti permainan video. Akibat leka melayari Internet dan bermain permainan video menyebabkan mereka tidak mempedulikan waktu tidur mereka. Menurut Naquiah Nahar et al. (2018) waktu tidur ideal bagi kanak-kanak adalah 12 jam dan remaja pula memerlukan 8 jam waktu tidur bagi memastikan badan mendapat cukup rehat. Kekurangan waktu tidur akan mengakibatkan keletihan dan menjejaskan tumpuan pelajar di dalam kelas serta menjejaskan kefahaman subjek yang diajar. Kesannya mereka hilang fokus terhadap pembelajaran seterusnya memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik mereka (Selian et al., 2020).

Jelaslah pengaruh globalisasi sangat mencabar terhadap sistem pendidikan masa kini. Kemajuan teknologi telah membuatkan semua jenis maklumat boleh diperolehi dengan secara terbuka dan mudah (Johari et al., 2019). Keperibadian para pelajar perlu dididik agar mempunyai jati diri yang teguh dalam menapis anasir-anasir luar yang boleh mempengaruhi pemikiran mereka. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam mengawal dan memantau para pelajar agar matlamat melahirkan pelajar yang seimbang dan memenuhi hasrat yang digariskan oleh FPK dapat dijayakan dengan baik.

4.2 Sekularisme dan Liberalisme

Globalisasi yang berlaku di dunia hari ini telah memodenkan pemikiran dan gaya hidup masyarakat. Kehidupan pada zaman kini telah dipengaruhi oleh pelbagai ideologi-ideologi pemikiran yang berbahaya. Menurut Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan (2002) menyatakan bahawa era globalisasi sangat mencabar dengan membawa pengaruh negatif yang boleh menghancurkan akhlak dan iman manusia. Antara fahaman yang menguasai masyarakat hari ini ialah sekularisme dan liberalisme. Sekularisme berpunca daripada perkataan sekular yang membawa maksud kehidupan yang berfokuskan kehidupan bersifat duniawi dan dipisahkan dengan urusan (Ibrahim, 2019; Mustamin, 2010). Manakala liberalisme difahami sebagai fahaman yang mementingkan kebebasan individu untuk bertindak dan melahirkan pendapat mengikut cara dan pilihan sendiri dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada agama, politik, ekonomi, sosial dan pelbagai aspek lagi (N. Mohd Salleh et al., 2021).

Hasil daripada sekularisme juga sudah wujud cadangan-cadangan yang mahukan mata pelajaran Pendidikan Islam dihapuskan dari aliran pendidikan kebangsaan atau dikurangkan jumlah waktunya dalam sistem pembelajaran berbanding dengan subjek akademik yang lain (Bernama, 2022). Hal ini sangat bertentangan dengan FPK yang sangat menekankan keseimbangan antara elemen intelek, rohani, emosi dan intelek. Melalui pembelajaran pendidikan Islam dan program-program kerohanian telah menjadikan elemen rohani dapat diterapkan kepada para pelajar. Ancaman sekularisme ini sangat berbahaya jika diteliti dengan mendalam.

Di samping itu, golongan pemikiran liberalisme pula mendakwa sistem pendidikan Islam di Malaysia tidak terbuka, menyekat idea, menyekat kebebasan berfikir, menyekat pemikiran

kritis, mengajar keganasan dan nilai politik. Secara perlahan-lahan, mereka juga telah menghasut para pelajar dan melahirkan perasaan benci kepada golongan agamawan seperti para ulama, seterusnya menimbulkan kesan negatif terhadap penghayatan hidup sebagai seorang muslim seperti yang diajar di dalam mata pelajaran pendidikan Islam (N. Mohd Salleh et al., 2021).

Ideologi liberalisme yang mencadangkan konsep kebebasan mutlak dan kemodenan mudah mempengaruhi golongan remaja. Maka akan wujud konflik antara ilmu pendidikan Islam yang diajar di sekolah dengan fahaman Islam Liberal yang dikhuatiri membawa kepada masalah akidah (M. F. Ismail et al., 2012). Oleh itu, isu-isu ini perlu diberi perhatian sewajarnya dan ditangani agar pembangunan insan yang bersepadu dihasratkan FPK berjalan lancar.

4.3 Penilaian berasaskan Peperiksaan

Cabaran seterusnya dalam merealisasikan pembangunan insan dalam FPK adalah sistem penilaian pendidikan berasaskan peperiksaan. Penilaian melalui peperiksaan adalah suatu proses menilai tahap perkembangan, kebolehan, penguasaan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran (Haron et al., 2019). Kebiasaannya proses penilaian boleh dilaksanakan melalui dua kaedah utama iaitu penilaian bertulis (sumatif) dan penilaian secara berterusan (formatif).

Isu berkenaan sistem penilaian pendidikan adalah guru terlalu memfokuskan kepada peperiksaan sebagai cara utama menilai keupayaan pelajar (Mohd Syaubari Othman et al., 2017). Terdapat guru yang masih melihat kepada tahap pencapaian akademik semata-mata dalam menentukan jenis dan cara perhatian yang dicurahkan kepada pelajar. Berlaku perbezaan persepsi dan layanan berdasarkan kepada tahap pencapaian akademik. Impak terhadap penekanan peperiksaan menjadikan pelajar yang lemah dari segi prestasi akademiknya akan terpinggir. Apabila hal ini berlaku, pelajar-pelajar berkenaan akan hilang minat dan motivasi untuk belajar serta prestasi akademiknya akan semakin merudum (Cheah & Amir, 2020). Guru perlu bijak dan kreatif untuk mencari kaedah terbaik dan menukar cara pembelajaran mengikut kesesuaian pelajar bagi memastikan pelajar tersebut tidak terus ketinggalan.

Selain itu, penekanan terhadap pencapaian akademik di dalam peperiksaan semata-mata akan menyebabkan para guru tergesa-gesa untuk menghabiskan sukatan pembelajaran lalu mengabaikan penerapan nilai dan pembinaan sahsiah yang ingin diterapkan dalam diri pelajar. Perkara ini berlaku apabila guru berasa bimbang pelajar tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan di dalam peperiksaan kerana guru tidak sempat menghabiskan isi kandungan subjek (Saharia Ismail 2015). Tidak dapat dinafikan penilaian adalah penting dalam menentukan tahap pencapaian para pelajar. Namun, sekiranya penumpuan terarah ketinggian intelek semata-mata, ianya menjadikan proses pembangunan insan secara menyeluruh tidak dapat dilaksanakan.

Maka terdapat gesaan-gesaan yang mencadangkan agar sistem penilaian diubah kepada sistem pentaksiran agar penilaian secara lebih holistik dapat dijalankan bagi menguji pelajar dengan lebih menyeluruh dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan FPK yang berhasrat menghasilkan pelajar yang seimbang dari pelbagai aspek.

4.4 Keprofesionalan Guru

Matlamat FPK bagi melahirkan para pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani tidak akan tercapai sekiranya orang yang paling bertanggungjawab melaksanakannya tidak memainkan peranannya dengan baik. Guru adalah individu yang penting untuk merealisasikan matlamat FPK dengan penghayatan dan kefahaman yang tinggi terhadap FPK serta mengaplikasikannya di dalam pengajaran (Sabilan et al., 2018). Kegagalan guru dalam memahami konsep profesionalisme keguruan menyebabkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan kurang berkualiti serta membantutkan pembangunan modal insan (Mohd Aizat Abu Hassan dan Kamarudin Musa 2019).

Guru perlu mempunyai kesedaran bahawa tugas dan tanggungjawabnya sebagai pendidik perlu diberi keutamaan dalam menjalankan tugas. Para guru mestilah sentiasa meningkatkan ilmu mengikut perkembangan semasa dan menjadi kreatif semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (Saifudin & Hamzah, 2021). Tambahan pula perubahan sistem pendidikan yang menuju ke arah pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) yang menuntut guru mempersiapkan diri dengan kebolehan menggunakan ICT dan meningkatkan kemahiran pedagogi bagi memastikan guru dapat menyampaikan ilmu dengan berkesan (Noor Lela Ahmad et al., 2019). Isu-isu berkaitan kompetensi guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran perlu diselesaikan dengan segera agar permasalahan pelajar tidak berminat terhadap sesuatu subjek dapat dielakkan dan pembangunan pelajar dari sudut intelek berjalan lancar.

Di samping itu, guru juga perlu mempamerkan kualiti peribadi yang unggul dari segi kejujuran dan keikhlasan dalam mempamerkan contoh teladan yang baik. Ini adalah kerana guru adalah insan yang berperanan membentuk sahsiah para pelajar agar memiliki ketinggian akhlak peribadi dan mempunyai nilai-nilai murni. Guru bukan sekadar membentuk pelajar yang cemerlang akademiknya malahan cemerlang dari sudut nilai peribadinya. Ciri-ciri sebegini adalah penting kerana guru merupakan sumber suri teladan kepada para pelajarnya (Nazneen Ismail et al. 2021).

Bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru, KPM telah memperkenalkan program *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+). Program ini telah melantik guru-guru pakar dan cemerlang untuk menjadi pegawai pelatih yang akan turun ke sekolah-sekolah untuk membimbing guru supaya menjalankan pengajaran secara lebih berkesan (Madhavan et al., 2020). Pelbagai lagi program yang sedang dijalankan oleh KPM dalam usaha untuk menjadikan guru lebih mantap dari segi teknik pengajaran dan keterampilan seperti program pementoran, komuniti pembelajaran profesional (PLC), seminar dan banyak lagi (Marjonet et al., 2020; Mohamed & Maat, 2021)

5. Implikasi Fpk Terhadap Sistem Pendidikan Negara

Terdapat beberapa implikasi FPK terhadap sistem pendidikan negara yang merangkumi implikasi terhadap kurikulum, implikasi terhadap pendidik dan implikasi terhadap institusi pendidikan. Perubahan demi perubahan yang berlaku memberikan pelbagai impak yang positif demi melahirkan insan yang bersepadu seperti yang dihasratkan dalam FPK.

Implikasi terhadap kurikulum dapat dilihat melalui perubahan kurikulum di sekolah bersesuaian dengan objektif serta matlamat FPK untuk melahirkan insan yang seimbang dari sudut intelektual, rohani, emosi serta jasmani. Perubahan kurikulum tersebut merangkumi aspek perubahan sukatan pelajaran seperti perubahan sukatan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menggantikan

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Kanafadzi & Jamaludin, 2021). Selain itu, terdapat perubahan dari sudut bahan-bahan pelajaran yang menitikberatkan aspek nilai-nilai murni yang dan sahsiah unggul yang diserapkan dalam semua mata pelajaran serta perubahan program pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan insan yang bersepadu terutamanya program pendidikan bidang teknologi, teknik dan vokasional (Adnan et al., 2010).

Tidak dapat dinafikan dalam merealisasikan hasrat FPK yang ingin melahirkan insan yang cemerlang, implikasi terhadap pendidik juga berlaku. Implikasinya adalah perubahan sikap peribadi pendidik yang ingin memajukan diri dalam menzahirkan sikap profesional dan menjalankan tugas yang diberikan dengan lebih bersistematik di samping menukar kaedah dan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan perubahan zaman (Munawir, 2021). Antara contoh perubahan strategi pengajaran yang berlaku perlu dilakukan oleh guru masa kini adalah pelaksanaan amalan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berasaskan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) yang berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Di samping itu, melalui sikap profesional guru akan lebih bertanggungjawab terhadap pelajar dengan memberikan tunjuk ajar serta perhatian yang lebih mendalam. Seterusnya menjadikan guru sebagai suri teladan yang boleh dicontohi oleh pelajar. Justeru, dengan perubahan-perubahan ini secara tidak langsung boleh memberi impak yang positif terhadap hasrat FPK untuk melahirkan insan yang berilmu, berdaya saing serta mempunyai watak yang terpuji di persada dunia (Husin et al., 2021). Hal ini kerana kejayaan seseorang pelajar boleh dilihat melalui usaha gigih guru yang tidak pernah kenal erti jemu dalam mengorbankan diri, masa, tenaga dan jiwa demi melihat pelajarnya berjaya di dunia dan akhirat. Pengorbanan para guru ini merupakan jasa besar yang akan membuahkan hasil yang baik demi negara tercinta.

Implikasi yang terakhir ialah terhadap institusi pendidikan. Umum mengetahui bahawa institusi pendidikan merupakan satu tempat yang digunakan untuk mendapat pendidikan tanpa mengira usia dari tahap awal pendidikan kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah sehinggalah ke institusi pengajian tinggi. Institusi-institusi ini perlu diberi perhatian yang tinggi bagi memastikan setiap individu mendapat kemudahan yang sama rata (Rashed et al., 2021). Sokongan dari semua pihak amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari semua aspek. Sebagai contoh, pihak sekolah perlu menyediakan prasarana yang lengkap dalam memastikan segala aktiviti pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

Demi melahirkan insan yang bersepadu, sudah pasti transformasi demi transformasi dilakukan termasuklah aspek kemudahan-kemudahan infrastruktur yang bagus dan kondusif (Muhamad Khairul & Wan Muna Ruzanna 2021). Perubahan terhadap aspek infrastruktur ini akan memberi kesan yang baik kepada pelajar. Mereka dapat mengembangkan potensi diri dengan menggunakan kemudahan prasarana yang ada di institusi pendidikan tersebut.

Antara contoh kemudahan prasarana yang ada di institusi pendidikan adalah seperti makmal komputer yang lengkap dengan alatan ICT yang berfungsi dengan baik, makmal sains yang serba lengkap untuk para pelajar menjalankan aktiviti meneroka dan eksperimen, surau yang bersesuaian mengikut kapasiti pelajar untuk solat berjemaah dan aktiviti keagamaan yang bersesuaian, kantin yang selesa dan bersih, padang sekolah yang di selenggara rumput dan kebersihannya yang membolehkan aktiviti luar bilik darjah seperti pendidikan jasmani, aktiviti kokurikulum dan sukan sekolah dilaksanakan, serta bilik darjah yang kondusif dengan peralatan elektrik seperti lampu, kipas, dan alat keperluan asas seperti kerusi dan meja yang

baik serta boleh digunakan. Tanpa infrastruktur yang baik mana mungkin dapat melahirkan insan yang bersepadu seperti yang dihasratkan dalam FPK (Siti Khadijah Mohd Kamal & Mohd. Isa Hamzah, 2021).

Maka tidak dapat dinafikan lagi terdapat implikasi FPK kepada sistem pendidikan negara. Perubahan-perubahan kepada kurikulum, pendidik dan institusi pendidikan perlu dilaksanakan agar sistem pendidikan terus berjalan lancar dan hasrat melahirkan insan bersepadu dapat dijayakan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap insan yang lahir terdapat padanya bakat, potensi dan keistimewaan masing-masing yang dianugerahkan oleh Tuhan. Bakat-bakat ini sebaiknya dicungkil serta diberi perhatian yang mendalam agar pengembangan dari sudut intelektual, rohani, emosi dan jasmani dapat dikembangkan dengan sebaiknya demi melahirkan insan yang bersepadu seperti yang dikatakan dalam FPK.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah tunjang kepada sistem pendidikan di negara kita dan merupakan panduan yang telah lengkap serta sempurna untuk membangunkan insan. Usaha untuk memupuk modal insan yang sempurna dan lengkap dari segi intelek, rohani, emosi, serta jasmani bukan sekadar konsep dan falsafah, tetapi perlu diteliti dengan sebaik mungkin. Isi kandungan FPK mestilah dihayati dan difahami secara jelas oleh para pendidik supaya memastikan matlamat pendidikan tercapai dengan jayanya. Para guru mestilah menjadikan FPK sebagai garis panduan dan rujukan semasa melaksanakan tugas-tugas mendidik terutamanya menerapkan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, para guru mestilah mengetahui tanggungjawab mereka tidak tertumpu kepada proses menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran sahaja. Malahan tanggungjawab mereka dalam membentuk modal insan juga sangat penting diberi perhatian yang serius. Peranan guru amat penting dalam membentuk generasi belia agar menjadi insan yang berkembang secara bersepadu seterusnya mampu memberi sumbangan ilmu, kemahiran, dan tenaga mereka terhadap keluarga, masyarakat dan negara. Jelaslah terbukti seandainya para pendidik bersandar kepada FPK dalam melaksanakan tanggungjawab profesional mereka, sudah tentu matlamat pendidikan negara melahirkan insan bersepadu akan menjadi kenyataan seperti yang dihasratkan.

Di samping itu, segala isu dan cabaran yang timbul dalam merealisasikan hasrat FPK melahirkan insan bersepadu perlu ditangani dengan segera dan semua pihak perlu bekerjasama bagi menyelesaikan segala permasalahan. Isu-isu berkenaan globalisasi, sekularisme dan liberalisme, penilaian berasaskan peperiksaan serta isu keprofesionalan guru perlu diberi perhatian yang serius agar sistem pendidikan berjalan lancar dan mencapai kejayaan.

Secara keseluruhannya, ternyatalah bahawa FPK adalah panduan lengkap bagi membangunkan modal insan yang menyeluruh dan bersepadu. Penekanan kepada unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani merupakan unsur yang penting terhadap pembangunan insan dan asas kepada kemenjadian murid. Maka melalui sistem pendidikan yang bersepadu dapat melahirkan pemimpin generasi akan datang yang berkualiti dan berupaya membawa negara kita bertambah maju.

Rujukan

- Abdullah, A., & Liu, O. P. (2018). Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan dan Masyarakat Majoriti Minoriti di Malaysia. *International Colloquium on Integration Platform*, 74–100.
- Abdullah, R., Abdul Rahman, P. Z., & Menon, N. (2009). Falsafah, Pendidikan dan Kurikulum Prasekolah. In *Panduan Kurikulum Prasekolah* (2nd ed.). Quantum Books.
- Abu Hassan, M. A., & Musa, K. (2019). Amalan Profesionalisme Guru Sekolah Rendah Di Semenanjung. *Asia Pacific Conference on Educational Management and Leadership*, 182–190.
- Adnan, M. F., Hamzah, R., & Udin, A. (2010). Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. *Seminar EduPress*, 1–16.
- Awang, A. (2021, September). Maryam Rangkul 3 Emas Pertandingan Inovasi di Toronto. *BHOnline*.
- Bernama. (2022, January). Tindakan Pertikai Pengajaran Pendidikan Islam Lebih Banyak Hanya Dari Segelintir Individu. *Astroawani*.
- Cheah, W. H., & Amir, R. (2020). Penghargaan Kendiri Dan motivasi pencapaian terhadap pencapaian bahasa inggeris murid. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 216–234.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2014). *Kamus Dewan (Edisi 4)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dzulkifli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37–45. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.17>
- Etum, S., Mydin, A.-A., & Abdullah, A. G. K. (2021). Pengaruh Pengurusan Disiplin Sekolah, Tingkah Laku Buli Murid dan Estim Kendiri Murid Terhadap Kualiti Kehidupan Murid: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 303–312. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1111>
- Hakim, S. N., & Raj, A. A. (2017). Dampak Kecanduan Internet (Internet Addiction) Pada Remaja. *Prosiding Temu Ilmiah X Ikatan Psikologi Perkembangan Indonesia*, 2, 280–284.
- Hanapi, M. S., & Nason, A. M. (2019). Penerapan Pendekatan Pendidikan Berasaskan Qalbu dalam Pembelajaran Abad 21: Cabaran dan Harapan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(sept), 33–48.
- Haron, M. Z., Othman, M. K., & Awang, M. I. (2019). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research*, 1, 289–316.
- Hasnawati. (2021). Implikasi Pendidikan Islam Sejak Anak Dalam Kandungan. *Jurnal Andi Djemma*, 4(1), 8–17.
- Husin, M. R., Md Hassan, N., Victor, Y. Z. S., Md Tormizi, A. S., Zulkapli, N. S. A., George, M., Rosli, R., Hishamuddin, N. I., Mohammad, R. A., Shahrudin, N. S., & Adampai, C. S. (2021). Perspektif Guru Terhadap Pembelajaran Pelajar Remaja. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(1), 40–49. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0301.211>
- Hussin, S. (2018). Kejayaan dan Impak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Membentuk Pendidikan di Malaysia. *Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai UIAM, November*, 1–19.
- Ibrahim, M. Y. (2019). Sekularisme: Faktor, Penyebaran Dan Langkah Mengatasinya Dari Sudut Pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 202–216. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.280015>
- Ishak, M. K. A., & Wan Mohammad, W. M. R. (2021). Asimilasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa. *Borneo International Journal*, 4(1), 1–11.
- Ismail, M. F., Tamuri, A. H., & Jasmi, K. A. (2012). Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap

- Aqidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Awal. *International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education*, 289–300. https://doi.org/10.1207/s15327752jpa6103_14
- Ismail, N., Azizan, N. Z. I., & Mohd Zin, S. M. (2021). Peranan Guru Pengajia Turath Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar di Pondok. *Al Hikmah*, 13(1).
- Johari, M. H., Baharuddin, A. S., & Ihwani, S. S. (2019). Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Seminar Sains Teknologi dan Manusia* (pp. 61–86).
- Kamarudin, S. A., & Majid, L. A. (2017). Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan Dan Pembentukan Akhlak Remaja. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 2(2), 31–37.
- Kanafadzi, V., & Jamaludin, K. A. (2021). Tahap Kesediaan Dan Sikap Guru Terhadap Perubahan Yang Berlaku Dalam Sistem Pendidikan : Kajian Sistematik Terhadap Artikel-Artikel Yang Terpilih. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 461–475.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kurniawan, A., Ashaari, M. F., & Umar, A. (2013). Jati Diri Kebangsaan Dalam Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal Al-Hikmah*, 5, 19–32.
- Kuswandi, Y., & Himayaturohmah, E. (2020). Pembudayaan Nilai-Nilai Islami Dalam Membangun Karakter Bangsa. *Tatar Pasundan : Jurnal Diklat Keagamaan*, 12(34), 267–275. <https://doi.org/10.38075/tp.v12i34.77>
- Lubis, I., Lubis, M. A., Taib, S. H., Ismail, M. A., & Wan Abdullah, W. A. A. (2021). Dasar Falsafah dan Polisi Pendidikan Bersepadu. *ASEAN Comparative Research Journal on Islam and Civilization*, 4(1), 1–19.
- Madhavan, S., Basri, R., Fauzi, A. M. A., & Asimiran, S. (2020). Kualiti Bimbingan Pengajaran oleh “Pegawai Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah.” *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 68–78.
- Marjonet, J., Abu Bakar Ah, S. H., & Omar, N. (2020). Pementoran dalam program pembangunan guru baharu Kementerian Pendidikan Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 79–95. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/MJSA/article/view/26996/12354>
- Mat, K. (2018). *Pelaksanaan Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Hubungannya Dengan Pembangunan Sahsiah Pelajar*. Universiti Malaya.
- Michael, S., & Ambotang, A. S. (2019). Hubungan Pengurusan Kokurikulum dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(7), 202–207. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.318>
- Michael, S., Ambotang, A. S., Nazarudin, M. N., & Andin, C. (2021). Status Sosioekonomi: Satu Cabaran Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(6), 178–186. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.805>
- Mohamed, H., & Maat, S. M. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik Terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional dalam kalangan Guru Matematik Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 164–176. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1066>
- Mohd. Salleh, A. (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohd Nawawi, M. Z. (2021). Senario Penstrukturan Pengajian Islam Di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Science*, 6(1), 57–66.

- Mohd Nor, N. N. A., & Zulkifli, H. (2022). Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) Dalam Pembentukan Interpersonal dan Intrapersonal Murid. *International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 1–19.
- Mohd Nordin, T. A., & Ibrahim, M. S. (2007). *Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru*. Jabatan Asas Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan.
- Mohd Salleh, N., Mohd. Haridi, N. H., Ismail, A. M., & Mohd. Noor, M. S. (2021). Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 2(1), 96–103.
- Mohd Syaubari Othman, Mohamad Akhir Abd Latif, & A.Zamri Husin. (2017). Cabaran dan Halangan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam yang Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 17, 150–168.
- Mohd Yaakob, M. F. (2018). Pertindihan Dasar Pendidikan. Pandangan Terhadap 1 Murid 1 Sukan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 1–9.
- Mohd Yassin, K. (2017). Faham Beruk Menurut Malik Bennabi dan Perkaitannya dengan Falsafah Pendidikan Negara. *Akademika*, 87(3), 77–89. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-06>
- Mok, S. S. (2009a). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok, S. S. (2009b). *Pengurusan Kurikulum*. Penerbitan Multimedia.
- Mokhtar, M. N., Ahmad, R., & Abdul Wahab, R. (2021). Kefahaman Guru tentang Konsep Maqāsid al-Shari'ah dan KBAT dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam: Satu Analisis Preliminari. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(4), 197–215.
- Munawir, N. S. (2021). Keberkesanan Pengajaran Guru Prasekolah Bagi Mencapai Strategi Pengajaran: Satu Kajian Kes di Negeri Perak dan Selangor. *Jurnal Kesidang*, 6, 30–43.
- Musa, N. A., Ahmad, N. A., & Othman, M. S. (2021). Penerapan Pembentukan Sahsiah Melalui Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia. *International Social Science and Humanities Journal*, 4(2), 55–69.
- Mustamin, M. H. (2010). Dualisme Dalam Pendidikan Dan Pengaruhnya Terhadap Pembentukan Nilai Dan Identiti Pelajar. *The 5th Isdev International Graduate Workshop*.
- Nahar, N., Sangi, S., Salvam, D. B., Rosli, N., & Abdullah, A. H. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87–99. <https://doi.org/10.11113/umran2018.5n1.181>
- Noor Lela Ahmad, Sho, S. L., Hariyaty Ab Wahid, & Rohaila Yusof. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(: 28 [March, 2019]), 28–51. <http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:LLv7Kn7NmPIJ:www.ijepc.com/PDF/IJEP-2019-28-03-06.pdf+&cd=4&hl=en&ct=clnk&gl=my>
- Noordin, T. A. (1993). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noordin, T. A., & Dan, N. 'Aini. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. As-Syabab Media.
- Pangrazi, R. P., & Beighle, A. (2019). *Dynamic Physical Education for Elementary School Children*. Human Kinetics.
- Rabgay, T. (2018). The effect of using cooperative learning method on tenth grade students' learning achievement and attitude towards biology. *International Journal of Instruction*, 11(2), 265–280. <https://doi.org/10.12973/iji.2018.11218a>
- Rahim, N. A., Meor Fadzir, N. A., Zaimal, N. A. H., Yahaya, F. F. A., Zainol, Z. I., & Husin, M. R. (2021). Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap

- Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(2), 57–66. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0302.238>
- Rahman, A. F. A., Taat, M. S., & Hongkong, J. (2021). Hubungan Faktor Guru dan Persekitaran dengan Pembelajaran Pendidikan Jasmani: Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Pendalaman Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9), 143–153. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.984>
- Rahman, R., Masruri, M., Abdullah, M. H., Saleh, N. S., & Wahidi, R. (2021). Meneroka Sumbangan Masyarakat Kelas Menengah Muslim di Malaysia Terhadap Pembangunan Sosio-Ekonomi Negara. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 211–224. <https://doi.org/https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.2.573>
- Rashed, Z. N., Yahaya, M., Ilias, M. F., Sungit, M. F., Abdul Rahman, A. H., & Mohd Radzi, N. (2021). Pengurusan Infrastruktur Sekolah: Kajian Kes di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 75–90.
- Rokim. (2018). Konsep Pendidikan Jasmani Dalam Perspektif Hamka. *Jurnal Studi Islam*, 13(1), 72–83.
- Rozali, R., & Abdul Wahab, J. L. (2020). Kebolehlaksanaan Program Guru Penyayang Maya (E-Sayang): Menangani Masalah Disiplin Pelajar. *Seminar Nasional Pendidikan 2020*, 231–237.
- S. Kaymak, Zh.Kassymbek, A. Kalamkas, & F. Saydenov. (2021). The Effect of Cooperative Learning on Students Academic Achievement. *Management Studies*, 9(6), 495–503. <https://doi.org/10.17265/2328-2185/2021.06.009>
- Saad, H. M., & Rajamanickam, R. (2021). *Maqasid Memelihara Akal (Hifz al-‘Aql) dan Hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*; <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-08>
- Sabilan, S., Mohamed Lip, S., Ishak, M. F., Zdainal Abidin, S., & Sulaiman, S. H. (2018). Konsep Penerapan dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *International Conference On Moslem Society*, 1–13.
- Saharia Haji Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83–100. <https://journal.utm.edu.my/index.php/jhcd/article/view/2087/1247>
- Saifudin, N. H. A., & Hamzah, M. I. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250–264.
- Selian, S. N., Hutagalung, F. D., & Rosli, N. A. (2020). Pengaruh Stres Akademik, Daya Tindak dan Adaptasi Sosial Budaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(2), 36–57.
- Siti Khadijah Mohd Kamal, & Mohd. Isa Hamzah. (2021). Penerapan Elemen Nilai Murni dan Etika Dalam Pembelajaran Abad ke-21 Dalam Kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *Advanced Research In Islamic Studies And Education (ARISE)*, 1(4), 16–31.
- Subiyakto, B., & Mutiani. (2019). Internalisasi Nilai Pendidikan Melalui Aktivitas Masyarakat Sebagai Sumber Belajar Ilmu Pengetahuan Sosial. *Khazanah: Jurnal Studi Islam Dan Humaniora*, 17(1), 137–166. <https://doi.org/10.18592/khazanah.v17i1.2885>
- Wan Ab Rahman, W. N., & Md Saman @ Osman, A. (2019). Pembangunan Model Kandungan Ekologi Spiritual Dalam Pendidikan Islam: Satu Analisa Keperluan. *Jurnal IPDA*, 26(1), 152–161.
- Wee, E. H. (2002). *Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Karisma Publications.